

## PERJANJIAN PERKHIDMATAN PERBANKAN INTERNET PERNIAGAAN UOB

### ADENDUM NEGARA (MALAYSIA)

1. Ini merupakan Adendum Negara (Malaysia) untuk Perjanjian Perkhidmatan Perbankan Internet Perniagaan UOB ("Perjanjian").
2. Bagi tujuan Adendum Negara (Malaysia) ini, perkataan "kita" atau "kami" merujuk kepada United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (271809 K).
3. Di mana Perkhidmatan disediakan kepada Pelanggan di atau dalam Malaysia, Perjanjian akan dipinda atau ditambah berhubung dengan Perkhidmatan sedemikian seperti berikut:
  - (I) Peruntukan berikut perlu dimasukkan selepas Klausa 3.1(b) dalam Perjanjian:-
    - (c) melanggan perkhidmatan e-bayaran lain yang dimulakan oleh Malaysian Electronic Clearing Corporation Sdn Bhd ("**MyClear**") yang ditawarkan oleh kami melalui Perkhidmatan yang termasuk, antara lain, JomPAY dan Pertukaran Proses Kewangan ("**Perkhidmatan e-Bayaran**").

Merujuk kepada Klausa 3.1(c), Pelanggan boleh hantar permohonan Perkhidmatan E-Bayaran mereka kepada kami dalam bentuk yang kami tetapkan dari semasa ke semasa bersama dengan dokumen sokongan yang kami anggap sesuai. Kami boleh menolak permohonan Pelanggan tanpa memberi apa-apa sebab. Di samping itu, Pelanggan bersetuju bahawa penggunaan Perkhidmatan E-Bayaran juga tertakluk kepada prosedur MyClear serta terma dan syarat yang mentadbir penggunaan Perkhidmatan E-Bayaran seperti yang dinyatakan di laman web rasmi MyClear di <http://www.myclear.org.my/>. yang mungkin tertakluk kepada pindaan oleh MyClear dari semasa ke semasa.
  - (II) Klausa 13.5 Perjanjian ini akan dipinda setakat tempoh masa bagi Pelanggan melakukan tuntutan atau prosiding undang-undang terhadap kami di mana ia adalah berdasarkan had masa yang dinyatakan dalam Akta Had Masa 1953.
  - (III) Peruntukan yang berikut akan dimasukkan selepas subklausula (g) dalam Klausa 11.1 Perjanjian dan perkataan "atau" di akhir subklausula (f) akan dikeluarkan dari subklausula tersebut:-
    - (h) juruaudit, peguam cara dan penasihat profesional kami;
    - (i) mana-mana peserta atau subpeserta sebenar atau berpotensi berhubung dengan sebarang tanggungjawab kami di bawah perjanjian perbankan antara anda dan kami, atau pemegang serah hak, *novatee* atau penerima pindahan (atau mana-mana pegawai, kakitangan, agen atau penasihat) untuk mana-mana daripada mereka;
    - (j) mana-mana orang di mana kami atau mana-mana ahli Bank Kumpulan UOB dibenarkan atau diperlukan untuk melakukan pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara; atau
    - (k) Biro Kredit Pusat atau mana-mana pihak berkuasa atau badan yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa lain ke atas kami.

(IV) Peruntukan yang berikut akan dimasukkan selepas Klausa 11.2 Perjanjian ini:-

11.3 Klausa 11 ini akan dikekalkan mahupun dengan penamatan Permintaan ini.

(V) Klausa 13.5 Perjanjian ini akan dipinda setakat tempoh masa bagi Pelanggan melakukan tuntutan atau prosiding undang-undang terhadap kami di mana ia adalah berdasarkan had masa yang dinyatakan dalam Akta Had Masa 1953.

(VI) Peruntukan yang berikut perlu ditambah kepada Klausa 16.1 melalui perenggan tambahan:-

Bagi mengelakkan keraguan, kami akan memberikan notis dua puluh satu (21) hari terlebih dahulu kepada Pelanggan berkenaan dengan sebarang pindaan, perubahan atau tambahan yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini. Jika Pelanggan tidak menerima pindaan, perubahan atau tambahan tersebut, Pelanggan mesti menamatkan penggunaan Perkhidmatan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh yang dinyatakan dalam notis atau daripada tarikh notis tersebut, yang mana berkenaan, jika tidak, Pelanggan akan dianggap telah menerima dan bersetuju dengan pindaan, perubahan atau tambahan sedemikian dan pindaan, perubahan atau tambahan sedemikian akan mengikat Pelanggan.

(VII) Klausa 20.2 perlu dikeluarkan dan digantikan dengan peruntukan berikut:

20.2 Pelanggan mengesahkan bahawa ia telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk diikat oleh Notis Privasi yang dikeluarkan oleh kami (yang boleh didapati di cawangan kami dan juga di laman web kami, [www.uob.com.my](http://www.uob.com.my) ("**Laman Web UOBM**") yang mungkin berhubung dengan pemrosesan Data peribadi anda. Bagi mengelakkan keraguan, Pelanggan bersetuju bahawa Notis Privasi tersebut akan dianggap sebagai dimasukkan melalui rujukan ke dalam Perjanjian ini. "**Data Peribadi**" mungkin termasuk, tetapi tidak terhad kepada, nama Pelanggan, pengarah, pemegang saham, pemilik, rakan kongsi, penandatanganan yang dibenarkan dan pegawai (secara kolektif, "pihak ketiga"), alamat pihak ketiga, pekerjaan, butiran perhubungan, maklumat yang diperolehi daripada sistem keselamatan (termasuk rakaman imej pihak ketiga pada kamera litar tertutup (CCTV)), maklumat pihak ketiga yang terkandung dalam Akaun Operasi yang dipegang oleh Pelanggan sama ada secara berseorangan atau bersama dengan mana-mana orang lain dan transaksi mana-mana Pelanggan dengan Bank;

(VIII) Klausa berikut perlu dimasukkan selepas Klausa 20.4 Perjanjian ini:

20.5 Pelanggan bersetuju dan memberi keizinan bahawa kami boleh memindahkan Data Peribadi ke luar Malaysia. Semua Data Peribadi yang dipegang oleh kami dan Bank Kumpulan UOB akan diberi tahap perlindungan yang sewajarnya terhadap sebarang kehilangan, penyalahgunaan, pengubahsuaian, akses tanpa kebenaran atau tidak sengaja atau pendedahan, pengubahan atau pemotongan.

20.6 Sekiranya Pelanggan menyediakan Data Peribadi yang berhubung dengan pihak ketiga, termasuk data yang berhubung dengan waris terdekat dan tanggungannya (di mana Pelanggan adalah seorang individu) atau data yang berhubung dengan pengarah, pemegang saham, pegawai, penjamin individu dan pembekal sekuritinya (di mana Pelanggan adalah sebuah syarikat), bagi tujuan membuka atau mengendalikan Perkhidmatan, dengan kami atau sebaliknya melanggan produk dan perkhidmatan kami, Pelanggan:

- (a) mengesahkan bahawa ia telah mendapatkan persetujuan mereka atau sebaliknya berhak untuk menyediakan data ini kepada kami dan untuk kami menggunakannya selaras dengan Perjanjian ini;
- (b) berjanji bahawa ia telah memaklumkan pihak ketiga sedemikian untuk membaca Notis Privasi di Laman Web UOBM;
- (c) telah memaklumkan pihak ketiga tersebut:-
  - (i) bahawa kami mungkin mengumpul atau mengesahkan data peribadi dan kewangan mereka dengan sumber pihak ketiga;
  - (ii) bahawa kami boleh mendedahkan data peribadi mereka kepada kelas pihak ketiga yang dinyatakan dalam Notis Privasi kami;
- (d) bersetuju untuk memastikan bahawa data peribadi dan kewangan pihak ketiga tersebut adalah tepat;
- (e) bersetuju untuk memaklumkan kami secara bertulis sekiranya terdapat sebarang perubahan ketara dalam data peribadi dan kewangan tersebut; dan
- (f) bersetuju dengan hak kami untuk menamatkan Perjanjian ini dan Perkhidmatan sekiranya persetujuan sedemikian ditarik balik oleh pihak ketiga tersebut.

20.7 Di mana Pelanggan mengarahkan kami untuk melaksanakan sebarang bentuk transaksi rentas sempadan (termasuk untuk melakukan atau menerima bayaran), butiran yang berkenaan dengan transaksi rentas sempadan (termasuk data yang berkenaan dengan mereka yang terlibat dalam transaksi tersebut) boleh diterima daripada atau dihantar ke luar negara, di mana ia boleh diakses oleh pengawal selia dan pihak berkuasa luar negara berhubung dengan kewajipan sah mereka (contohnya, pencegahan jenayah). Dalam mengarahkan kami dan/atau agen kami untuk melakukan sebarang transaksi rentas sempadan bagi pihak Pelanggan, Pelanggan bersetuju dengan pendedahan tersebut di atas bagi pihaknya dan pihak lain yang terlibat dalam transaksi rentas sempadan tersebut.

20.8 Sebagai tambahan, tetapi sentiasa tertakluk kepada sebarang undang-undang (termasuk peraturan, garis panduan dan/atau kewajipan) yang digunakan ke atas kami dan Bank Kumpulan UOB (sama ada di dalam atau di luar Malaysia), Pelanggan bersetuju bahawa kami dan Bank Kumpulan UOB, serta pedagang dan rakan kongsi strategik kami boleh menghubungi Pelanggan mengenai produk, perkhidmatan dan tawaran, yang kami percaya mungkin akan menarik minat Pelanggan atau memanfaatkan Pelanggan dari segi kewangan. Walaupun dengan apa-apa yang dinyatakan sebelum ini, kami hanya akan mendedahkan Data Peribadi (tidak termasuk data yang berkenaan dengan hal ehwal Pelanggan dan Perkhidmatan) kepada pedagang dan rakan kongsi strategik kami apabila kebenaran nyata daripada Pelanggan telah diperoleh terlebih dahulu.

20.9 Pelanggan boleh memilih untuk tidak menerima apa-apa bahan pemasaran langsung daripada kami dan Bank Kumpulan UOB dengan menulis kepada kami di 'Perkhidmatan Kewangan Peribadi', Peti Surat 13525, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur' (atau alamat lain sedemikian yang dimaklumkan oleh kami)

dengan permintaan Pelanggan dan kami akan mematuhi arahan bertulis terkini daripada Pelanggan kepada kami.

- 20.10 Pelanggan mengakui bahawa komunikasi tertentu seperti penyata akaun dan Laman Web UOBM mengandungi maklumat standard mengenai produk dan perkhidmatan lain kami yang tidak boleh dikeluarkan tanpa menjejaskan penyampaian/penyediaan perkhidmatan dan/atau produk kami, operasi Perkhidmatan dan/atau kemudahan dengan kami, dan/atau tanpa mengenakan kos tambahan kepada Pelanggan.
- 20.11 Pelanggan berhak untuk meminta secara bertulis:
- (a) untuk apa-apa maklumat berhubung dengan Data Peribadi yang kami pegang atau simpan, apabila fi yang ditetapkan telah dibayar;
  - (b) untuk apa-apa maklumat yang dipegang atau disimpan oleh kami untuk dikemaskini, dipinda dan/atau
  - (c) untuk kami menghadkan pemprosesan Data Peribadi yang dipegang atau disimpan oleh kami; dan
  - (d) untuk melakukan pertanyaan atau aduan berkenaan dengan pemprosesan Data Peribadi oleh kami.

Untuk pertanyaan di bawah (a) atau (b), anda boleh melakukan permintaan kepada kami melalui Borang Permohonan Akses Data atau Borang Permohonan Pembedulan Data kami masing-masing. Borang-borang ini boleh didapati di cawangan kami serta di Laman Web UOBM.

Pelanggan boleh menunjukan permintaan mereka ke mana-mana cawangan kami atau ke 'Pengurusan Komunikasi Pelanggan, Peti Surat 11212, Menara UOB, Jalan Raja Laut, 50738 Kuala Lumpur'.

Kami mungkin mengenakan fi untuk memproses permintaan Pelanggan untuk akses atau pembedulan. Kami juga boleh enggan mematuhi permintaan Pelanggan berkenaan dengan (a) atau (b) di atas jika maklumat yang diberikan oleh Pelanggan tidak mencukupi (sebagaimana yang ditentukan oleh kami) atau di mana permintaan sedemikian mungkin melanggar atau menyalahi sebarang undang-undang atau peraturan atau apa-apa sebab lain yang kami anggap bukan pada kepentingan kami untuk berbuat demikian. Jika kami enggan mematuhi permintaan sedemikian, kami akan memaklumkan Pelanggan mengenai keengganan dan sebab keengganan kami.

- 20.12 Pelanggan bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang Pelanggan memberikan kepada kami adalah tepat, lengkap dan tidak mengelirukan dan bahawa maklumat tersebut sentiasa dikemaskinikan.
- 20.13 Sila dimaklumkan bahawa jika Pelanggan kemudiannya menarik balik kebenaran Pelanggan untuk memproses Data Peribadi seperti yang diberikan sebelum ini kepada kami, kami tidak akan dapat memproses dan/atau mendedahkan Data Peribadi berhubung dengan tujuan yang dinyatakan dalam Notis Privasi. Dengan itu, kami berhak untuk tidak menyediakan atau tidak meneruskan penyediaan mana-mana produk, perkhidmatan, Akaun dan/atau kemudahan yang dikaitkan dengan Data Peribadi sedemikian.
- 20.14 Kami berhak untuk meminda Klausula 20 ini dari semasa ke semasa pada budi bicara tunggal kami dan akan memberikan notis bertulis terlebih dahulu kepada Pelanggan dan menyatakan apa-apa pindaan sedemikian di Laman Web UOBM atau dengan meletakkan notis di

ruang perbankan atau di kawasan utama dalam cawangan kami atau dengan apa-apa cara komunikasi lain yang kami anggap sesuai.

20.15 Klausa 20 ini tidak akan menjejaskan sebarang klausa lain dalam Perjanjian ini yang menyediakan pendedahan data.

(IX) Peruntukan yang berikut perlu dimasukkan selepas Klausa 20 Perjanjian:-

## **21. ADUAN/RESOLUSI PERTIKAIAN**

21.1 Setakat Perkhidmatan yang disediakan di Malaysia, sekiranya Pelanggan mempunyai sebarang aduan untuk dilakukan atau pertikaian untuk dikemukakan, sila nyatakan jenis aduan atau pertikaian sedemikian dan merujuk perkara tersebut kepada:-

### **Pusat Panggilan UOB**

Peti Surat 11212

50738 Kuala Lumpur

E-mel : [uobcustomerservice@uob.com.my](mailto:uobcustomerservice@uob.com.my)

21.2 Setelah kami menerima aduan atau tuntutan Pelanggan, kami akan berusaha untuk memberi maklum balas kepada Pelanggan dalam tempoh empat belas (14) hari perbankan daripada tarikh kami menerima aduan atau tuntutan sedemikian daripada Pelanggan. Pelanggan memahami dan bersetuju sepenuhnya bahawa empat belas (14) hari tersebut adalah sentiasa tertakluk kepada kami menerima semua dokumen sokongan yang kami mungkin perlukan daripada Pelanggan dalam usaha kami untuk meneruskan dan menyelesaikan siasatan kami. Sekiranya kami tidak dapat menyelesaikan aduan atau tuntutan Pelanggan dalam tempoh yang ditetapkan, kami akan memaklumkan Pelanggan secara bertulis ke alamat terakhir Pelanggan yang diketahui dalam sistem kami untuk sebarang pelanjutan masa yang tidak akan, dalam apa-apa hal, melebihi tiga puluh (30) hari daripada tarikh penyerahan aduan atau tuntutan.

21.3 Pelanggan mengakui bahawa sekiranya kami percaya atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa apa-apa tuntutan atau maklumat yang diberikan oleh Pelanggan kepada kami berhubung dengan aduan atau pertikaian adalah palsu dan tidak tepat, kami berhak untuk menolak tuntutan atau maklumat sedemikian dan kami boleh mengambil tindakan sedemikian yang kami miliki terhadap Pelanggan.

## **22. GST**

22.1 Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang, pada tarikh Perkhidmatan atau pada sebarang tarikh selepas tarikh Perkhidmatan, diperlukan oleh undang-undang (termasuk Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014) atau peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang tersebut (dan akan termasuk apa-apa pindaan yang dilakukan kepada sebarang undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan sedemikian) yang perlu dibayar kepada sesiapa atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami, berkenaan dengan sebarang wang yang dikenakan atau ditanggung oleh kami dan/atau berhubung dengan Perkhidmatan. Kecuali dinyatakan sebaliknya oleh kami pada bila-bila masa, sebarang fi dan caj yang dimaklumkan kepada Pelanggan adalah termasuk sebarang cukai barangan dan perkhidmatan yang

berkenaan pada kadar semasa. Di mana kami telah menyatakan sebaliknya, Pelanggan bertanggungjawab untuk membayar cukai barangan dan perkhidmatan yang berkenaan sebagai tambahan kepada fi dan caj kami.

- 22.2 Sebarang cukai barangan dan perkhidmatan atau cukai atau levi lain yang ditanggung oleh kami berhubung dengan Perkhidmatan dan apa-apa barangan atau perkhidmatan lain yang disediakan di bawah Perkhidmatan akan ditanggung oleh dan dikenakan kepada Pelanggan dan sekiranya kami melaksanakan apa-apa bayaran, Pelanggan akan bertanggungjawab untuk membayar balik kepada kami jumlah yang dibayar sedemikian.

### **23. Undang-undang yang Mentadbir dan Bidang Kuasa**

- 23.1 Setakat apa-apa Perkhidmatan yang disediakan kepada Pelanggan di atau dalam Malaysia, Perjanjian ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia.
- 23.2 Pelanggan menyerah kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia berhubung dengan sebarang prosiding undang-undang yang boleh dimulakan berkenaan dengan Perjanjian ini.
- 23.3 Pelanggan tidak boleh memulakan atau meneruskan sebarang prosiding undang-undang terhadap mana-mana Bank Kumpulan UOB dalam apa-apa bidang kuasa selain di Malaysia berkenaan dengan apa-apa perkara, tuntutan atau pertikaian selagi Bank Kumpulan UOB tersebut bersedia untuk menyerah kepada bidang kuasa mahkamah Singapura berkenaan dengan perkara, tuntutan atau pertikaian tersebut dan Pelanggan perlu, sebelum memulakan prosiding terhadap Bank Kumpulan UOB dalam apa-apa bidang kuasa berkenaan dengan apa-apa perkara, tuntutan atau pertikaian selain Singapura mendapatkan bahawa perjanjian Kumpulan UOB Bank untuk mengemukakan kepada bahawa bidang kuasa asing dengan berkenaan dengannya.
- 23.4 Penyampaian apa-apa proses atau dokumen yang mana apa-apa prosiding dalam mana-mana mahkamah di Malaysia dimulakan boleh dilaksanakan dalam apa-apa cara yang dibenarkan untuk komunikasi di bawah ini.